

R 8739 AAB
MAHATHIR - BIBLIOCRAFI

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- +BIBLIOGRAFI DR MAHATHIR+ YANG MENDUNGSI UCAPAN, PENULISAN DAN KARYA MENGENAI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DILANCARKAN DI SINI, HARI INI.

IA DITERBITKAN OLEH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM VERSI BAHASA MALAYSIA DAN INGGERIS.

PENGERUSI LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA, TAN SRI DR RASHDAN BABA BERKATA BIBLIOGRAFI ITU MERUPAKAN DOKUMEN PENTING BAGI ORANG RAMAI YANG BERMINAT MENGETAHUI UCAPAN, PENULISAN DAN KARYA MENGENAI PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DIAKUI SEBAGAI SEORANG CENDEKIAWAN BANGSA, YANG BERFIKIRAN TINGGI, KERANA MINATNYA YANG MENDALAM TERHADAP BUKU DAN PEMBACAAN, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA PELANCARANNYA DI BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGARA, DI SINI. -\$

+SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG MEMEGANG KONSEP KEPIMPINAN MELALUI TELADAN, BELIAU (PERDANA MENTERI) SENTIASA MEMBACA DAN MEMPUNYAI PERPUSTAKAAN DI RUMAH.+

INI KERANA PERDANA MENTERI SENDIRI PERNAH MENYARANKAN KEPADA RAKYAT SUPAYA MENJADIKAN B U K U SEBAGAI TEMAN HIDUP SEHARI ANDI SAMPING MENEKANKAN KEPENTINGAN PENGUASAAN BAHASA ASING UNTUK MENIMBA ILMU PENGETAHUAN. -- LAGI

1422MST 2 2 08 9 0

R 8740 AAB
MAHATHIR - BIBLIOGRAFI 2 KUALA LUMPUR

+BELIAU SERING MERUJUK KEPADA BUKU-BUKU YANG DIBACANYA DAN MENYARANKAN JUDUL-JUDUL YANG PATUT DIBACA OLEH PEGAWAI KANAN KERAJAAN.+ .

TAN SRI RASHDAN BERKATA, SUNGGUHPUN DR MAHATHIR ADALAH SEORANG LULUSAN DALAM BIDANG PERUBATAN TETAPI BELIAU MAMPU UNTUK BERBINCANG DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN SWASTA DALAM SUBJEK SEPERTI KEJURUTERAAN MEMBINA JAMBATAN DAN KAPAL TERBANG KERANA SIKAP BELIAU YANG SUKA MEMBACA.

SEMENTARA ITU, PEMANGKU TIMBALAN KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA PUAN MARIAM ABDUL KADIR BERKATA, BIBLIOGRAFI DR MAHATHIR DIPILIH UNTUK DIBUKUKAN KERANA BELIAU MERUPAKAN SEORANG TOKOH DAN SIMBOL KEPADA RAKYAT KERANA KECINTAAN YANG MENDALAM TERHADAP ILMU PENGETAHUAN DAN PEMBACAAN.

KATANYA, TUJUAN BIBLIOGRAFI ITU IALAH UNTUK MENGUMPULKAN MAKLUMAT BER CETAK MENGENAI PERDANA MENTERI, MERANGKUMI ASPEK PENTADBIRAN, ASPIRASI DAN PEMIKIRAN BELIAU, DAN BERGUNA UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN.

KATEGORI BAHAN-BAHAN YANG DIMASUKKAN DALAM BIBLIOGRAFI ITU TERDIRI DARIPADA MONOGRAF (BUKU), RENCANA MAJALAH, RENCANA SURATKHBAR DAN UCAPAN BELIAU SEHINGGA TAHUN 1988, DAN MENDUNGSI 2,200 ENTRI. -- LAGI

1425MST 22 08 90

R B741 A A B

HAHATHIR • BIBLIOGRAFI 3 KUALA LUHPUR

IA **DIJUAL** DENGAN HARGA **\$10** SENASKHAH SERTA BOLEH DIBELI **DI** BANGUNAN PERPUSTAKAAN **NEGARA**, JALAN RAJA LAUT **DI SINI** DAN KEDAI BUKU **UNIVERSITI MALAYA**.

ANTARA BUKU YANG PERNAH DITULIS OLEH DATUK **SERI DR MAHATHIR** IALAH **THE MALAY DILEMMA (1970)**, **HENGHADAPI CABARAN (1980)** DAN **PANDUAN PENIAGA KECIL (1974)**. BELIAU HENGGUNAKAN NAMA **PENA CHE DET** DALAH TULISAN-TULISANNYA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA PUAN MERIAM BERHARAP **LEBIH BANYAK** PERPUSTAKAAN DIBINA TERUTAMA'DI KAWASAN PERUMAHAN UNTUK **MENYEDARKAN RAKYAT**TENTANG **KEPENTINGAN ILMU** DAN PEMBACAAN.

KATANYA, **DI** KAWASAN PERUHAHAN **PARA** PEMAJU HENYEDIKAN PELBAGAI KEHUDAHAN **TAMAN REKREASI**, **SURAU** DAN **PADANG PERMAINAN** **TETAPI AMAT KURANG MEMBERI** TUMPUAN UNTUK MEMBINA SEKURANG-KURANGNYA **MINI-PUSTAKA**.

PERPUSTAKAAN NEGARA SEDIA UNTUK MEMBERI BANTUAN TERMASUK MENYEDIKAN BAHAN-BAHAN BACAAN SEKIRANYA KEMUDAHAN ITU **DIWUJUDKAN**, **KATANYA**.

MENJAWAB **PERTANYAAN**, BELIAU BERKATA BANGUNAN BARU PERPUSTAKAAN **NEGARA** YANG SEDANG DIBINA **DI** JALAN **TUN RAZAK**, **DI SINI** AKAN DAPAT **DIGUNAKAN AWAL**. **TAHUN HADAPAN**. -- BERNAMA.

1427MST 22 08 90